

## INDUSTRI BUNGA DI MALAYSIA

Industri bunga-bunga di Malaysia berkembang semula sekarang. Definisi keluaran bunga-bunga termasuk potongan bunga, bunga hiasan dan bunga dalam pasu. Industri ini menunjukkan kemajuan pesat sejak satu dekad lalu, khususnya untuk eksport, hasil dasar mempelbagaikan pertanian dalam Dasar Pertanian Negara (1984). Kepelbagaian ini adalah untuk mengurangkan pergantungan ekonomi negara daripada hanya kepada kelapa sawit, getah, koko dan lada hitam. Pertumbuhan sektor ini juga didorong oleh kuasa pasaran, khususnya dari dalam dan luar negara, kesan daripada pertumbuhan ekonomi dunia yang pulih selepas kelembapan awal 1980-an.

Di kalangan pengguna, bunga sering digunakan sebagai hadiah dan perhiasan, malahan ia menjadi satu kebudayaan yang berkembang di negara membangun seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea. Pada tahun 1990, perdagangan barangan hortikultur khususnya, industri bunga-bunga merekodkan pertumbuhan paling tinggi berbanding komoditi pertanian lain. Perluasan pasaran bunga di peringkat antarabangsa mendorong negara membangun mengambil kesempatan ini, termasuk Malaysia. Industri bunga menunjukkan keupayaan untuk menghasilkan pulangan lebih tinggi dan tidak memerlukan kawasan luas. Kawasan sektor ini dapat dilihat di segi prestasi eksport. Malaysia kini muncul sebagai pengeksport bersih bunga dan orkid dengan nilainya meningkat 321%, iaitu daripada RM5.7 juta kepada RM244.10 juta antara 1986 dan 1990. Import pula bertambah 23% daripada RM0.7 juta kepada RM0.9 juta. Pengeluaran dalam negeri meningkat 4 kali ganda daripada RM2.4 juta kepada RM10.3 juta. Ini menunjukkan industri berkenaan berkeupayaan memberi sumbangan kepada pendapatan negara.

Bagaimanapun, perkembangan eksport yang pesat ini tidak disokong sistem pemasaran yang rapi, berkesan dan mencukupi serta tidak dapat menampung kuantiti pengeluaran yang banyak manakala keperluan fizikal pemasaran pula terbatas. Pengeluar dan pengantara sering menghadapi masalah kekurangan kemudahan pemasaran seperti bilik sejuk, ruang kargo, mutu yang tidak konsisten dan harga yang tidak stabil. Ketidakseimbangan prestasi antara dua sub sektor ini perlu diperbaiki agar sumber digunakan secara optimum.

## Pengenalan kepada Gerak Kerja Ko-Kurikulum

### Pendahuluan

Gerak kerja luar bilik darjah dahulunya dikonsepsikan sebagai aktra-mural/intra-mural/ekstra-kurikula telah ada sejak bermulanya sistem persekolahan formal. Aktivitinya terhadap dasar sebenarnya kurang jelas. Laporan Jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan (1979) telah memperlakukan mustahaknya gerak kerja ko-kurikulum dalam sistem pendidikan kebangsaan untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan ataupun "esprit-de-corp" di antara pelajar pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih pelajar-pelajar supaya bersikap

tanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai. Surat pekeliling Ikhtisas Bil.1/85 bertarikh 2.Jan.1985, telah memberi garis panduan pelaksanaan gerak kerja ko- kurikulum sekolah bagi mengatasi sebarang kelemahan sebelumnya dan untuk mencapai matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Negara.

## KONSEP

Kurikulum berasal dari perkataan Latin, *currere* yang bermaksud menjalani yang boleh dihubungkan dengan perbuatan menjalani sesuatu kursus atau kegiatan pendidikan yang boleh dianggap sebagai semua kegiatan di bawah bidang kuas sekolah. Ko pula bermaksud gabungan atau hubungan yang digunakan pada pangkal perkataan. Oleh itu gerak kerja ko-kurikulum adalah kegiatan selain dari kegiatan akademik tetapi mempunyai hubungan dengannya dan dilakukan didalam/diluar bilik darjah dan juga diluar kawasan sekolah yang dianjurkan oleh sekolah lain.

Ko-kurikulum adalah satu konsep yang digunakan di Malaysia sahaja untuk menunjukkan bahawa ia amat penting dalam sistem persekolahan dan merupakan sebahagian daripada kurikulum sekolah. Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) merumuskan bahawa kurikulum sekolah boleh dibahagikan kepada 2 bahagian yang besar iaitu :

- a. bahagian yang meliputi sukatan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran.
- b. bahagian yang meliputi kegiatan pendidikan luar bilik darjah (ko-kurikulum) seperti kegiatan sukan, persatuan, pasukan pakaian seragam dan lain-lain.

Gerak kerja ko-kurikulum ialah gerak kerja yang :

- a. bercorak pendidikan dan berupa pengalaman pembelajaran tidak formal berteraskan kesinambungan pengalaman pembelajaran.
- b. merupakan kegiatan dalam kelas dan kegiatan luar kelas.
- c. boleh menyediakan pelajar-pelajar dengan pengalaman serta amali yang mereka tidak dapat di bilik darjah.
- d. merupakan sebagai cara bagi mencapai matlamat pendidikan untuk penerapan nilai-nilai murni, perpaduan dan kewarganegaraan.
- e. merupakan aktiviti yang terancang dan "fleksibel" dari segi masa, tempat dan cuaca.
- f. sebagai satu bidang pendidikan sekolah yang harus melibatkan setiap pelajar.

## RASIONAL

Penglibatan semua pelajar dan ahli masyarakat adalah perlu berasaskan kepada rasional bahawa :

- a. semua pelajar harus mempunyai keseimbangan diantara per- lembagaan

mental (akademik) dengan perkembangan sahsiah yang bersepadu (sosial, jasmani dan rohani).

- b. semua pelajar mempunyai minat dan bakat yang boleh dimajukan.
- c. semua pelajar boleh dididik dan boleh mendidik diri sendiri.
- d. sekolah bertanggungjawab bagi melahirkan pelajar-pelajar untuk keperluan masyarakat dan negara.
- e. masyarakat juga bertanggungjawab dan boleh menjalankan peranan mereka dalam mendidik pelajar-pelajar termasuk pendidikan kemasyarakatan.

## OBJEKTIF

1. Menyemai kesedaran dan kepatuhan terhadap agama dan kepercayaan kepada tuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Negara.
2. Perseimbangan antara perkembangan mental (akademik) dengan perkembangan sosial, jasmani dan rohani pelajar.
3. Pengukuhan interaksi dan intergrasi dikalangan pelajar.
4. Memajukan kemahiran, minat dan bakat pelajar.
5. Pengukuhan dan pengayaan perkara yang dipelajari dalam bilik darjah serta perluasan pengetahuan serta pengalaman pelajar dalam bidang tertentu.
6. Pengisian masa lapang dengan berfaedah dan memberi keseronokan serta pembinaan kesihatan diri.
7. Meningkatkan suasana sekolah dan penyemaian nilai positif.
8. Peningkatan suasana sekolah yang lebih menarik dan menggembirakan pelajar.
9. Mewujudkan perhubungan baik guru dengan pelajar.
10. Mewujudkan perhubungan dan kerjasama dua hala-sekolah dan masyarakat serta menyemai semangat berkhidmat, bekerjasama dan saling bantu membantu.

## STRATEGI

1. Memperseimbangkan gerakerja ko-kurikulum dengan pelajar-ran akademik yang diajarkan dalam bilik darjah. Kedua-duanya adalah proses pendidikan yang saling lengkap-melengkapi.
2. Menambahkan lagi bilangan pasukan pakaian seragam dan kelab/persatuan serta mempelbagaikan gerakerja ini, termasuk gerakerja sukan, bagi tujuan memberi peluang kepada semua pelajar melibatkan diri dengan aktif.
3. Melibatkan pelajar dari semua kaum dalam masa gerak kerja ko-kurikulum dimana yang sesuai untuk tujuan pemupukan perpaduan.
4. Melibatkan pelajar atau pihak sekolah dalam gerak kerja khidmat masyarakat.
5. Melibatkan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar (JBPS), PIBG guru-guru dan pelajar-pelajar dalam perancangan dan pelaksanaan gerakerja ko-kurikulum.
6. Merancang gerakerja ko-kurikulum dengan teliti dan menetapkan

matlamat-matlamatnya.

7. Merekod dan menilai segala gerakerja dan kemajuan yang dijalankan dan dicapai.
8. Mengadakan pertandingan dengan melibatkan semua pelajar.
9. Mengadakan penyeliaan dan penilaian yang sistematik secara berterusan.
10. Memberi penghargaan kepada pelajar dan lain-lain pihak dari masa ke semasa.

## NILAI PENDIDIKAN DALAM GERAK KERJA KO-KURIKULUM

Gerakerja ko-kurikulum yang dirancang dengan baik dapat mempekuhkan amalan dan penghayatan nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan. Ia juga boleh melatih pelajar memperkukuhkan sifat kepimpinan, kesanggupan berusaha memperbaiki diri sendiri, sifat demokratik dan semangat kesukanan.

Beberapa contoh nilai pendidikan yang terdapat dalam gerakerja ko-kurikulum adalah seperti berikut ;

- a. percaya kepada Tuhan, bersyukur.
- b. beradab atau bersusila : bersopan santun, berbudi bahasa dan hormat menghormati.
- c. taat : patuh kepada peraturan, kewarganegaraan, bertanggungjawab dan boleh dipercayai.
- d. jujur : ikhlas dan amanah.
- e. mengawal diri : disiplin sendiri, menjauhi daripada melakukan sesuatu yang tidak baik.
- f. tolong-menolong : bekerjasama.
- g. menjaga kebersihan : diri, fizikal, mental dan alam sekitar.
- h. kasih sayang : berperikemanusiaan dan belas kasihan.
- i. bertimbang rasa dan bertolak ansur : sanggup bermaaf-maafan.
- j. keberanian : kebebasan membuat sesuatu dalam lingkungan peraturan dan dedikasi, imaginatif, kreatif dan berani.

## MERANCANG GERAKERJA SEKOLAH

Rancangan Tahunan, Penggal, Mingguan dan Harian

Isi pelajaran umum/sukatan pelajaran KBSR/KBSM perlulah dikaji dan disesuaikan semula mengikut rancangan tahunan yang melibatkan kepada penggal, rancangan tahunan yang melibatkan kepada penggal, rancangan mingguan dan rancangan harian. Pemilihan aktiviti/gerakerja hendaklah berdasarkan kepada prinsip-prinsip ansur maju dan taksonomi, domain psikomotor. Dalam hal menyediakan rancangan kerja perkara-perkara berikut dinyatakan:

1. tajuk
2. aktiviti
3. objektif (kognitif, efektif dan psikomotor)
4. alatan

## Prinsip Latihan Ansur Maju

- a. dimulakan dengan aktiviti umum.
- b. aktiviti pra kemahiran.
- c. aktiviti kemahiran kasar.
- d. aktiviti kemahiran betul.
- e. aktiviti betul dan indah.

## Mengurus Pengajaran/Latihan Kemahiran (Psikomoto)

- a. agihan dan pengumpulan semua alat yang diperlukan.
- b. mengambil kedatangan pelajar.
- c. memberi arahan dan penerangan.
- d. kegiatan memanas/menyejukkan badan.
- e. aktiviti rutin sebagai persediaan untuk aktiviti yang lebih cergas.
- f. motivasi/mengambil perhatian pelajar.
- g. penerangan jelas dan mudah difahami.
- h. menggunakan pelajar contoh/ketua.
- i. menggunakan perbagai susunan/kerja kumpulan.
- j. penyeliaan dan kawalan untuk memastikan patuh kepada arahan dan disiplin.
- k. mengumpul semula alatan-alatan untuk disimpan.

## Kaedah Pengajaran Kemahiran

Kemahiran yang hendak diajar haruslah sesuai dengan umur, jantina dan tahap pencapaian pelajar. Murid-murid diperkenalkan dengan satu-satu kemahiran dengan cara penerangan dari guru atau melalui gambar, video atau apa jua alat/media yang dapat membantu memberi penerangan. Murid-murid melakukan aktiviti/membuat aktiviti kemahiran tadi secara bebas mengikut kebolehan masing-masing. Kemudian guru tunjukkan teknik/cara yang betul untuk memperlakukan kemahiran itu dengan menggunakan kaedah demonstrasi samada secara "parts" atau "whole" mengikut kemahiran yang sesuai.

## Pengenalan kepada Konsep Kesepaduan dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Unsur-unsur yang diterapkan seperti ilmu pengetahuan, kemahiran, bahasa serta nilai-nilai murni dalam semua mata pelajaran, telah dijalinkan serta diadukan didalam konsep kesepaduan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran, kesepaduan ini adalah ditekankan. Untuk memperkembangkan potensi murid-murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu, dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan, murid harus dapat menyungkil serta meningkatkan potensi ke tahap

yang maximum sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Selain daripada memperolehi ilmu pengetahuan dan kemahiran, pendidikan yang diterima oleh murid seharusnya menimbulkan minat dan keyakinan mereka untuk terus mencari pengetahuan kerana FPN menyatakan bahawa pendidikan haruslah berterusan.

## PENGERTIAN KESEPADUAN

Bersepadu dan kesepaduan bermaksud bermaksud bersatu, bercantum dan bersama. Bukannya terpisah, terasing, tercerai atau terpencil. Dalam pelaksanaan kurikulum yang merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran, unsur-unsur yang terdapat dalam kurikulum itu tidak boleh terpisah atau terasing tetapi kesemua unsur-unsur itu perlu bercantum dan bersatu.

Disiplin ilmu yang terangkum dalam pelbagai matapelajaran tidak lagi wujud sebagai komponen tersendiri. Matematik dan Sejarah sebagai suatu disiplin ilmu, perlulah di sepadukan dan pelaksanaan strateginya tidak lagi terpisah. Suatu ketika dahulu, pelajaran Geografi atau Sains hanya tertumpu kepada kemahiran sahaja sementara nilai-nilai murni atau Bahasa Melayu merentas kurikulum tidak dimasukkan.

Inilah yang dikatakan tidak ada kesepaduan. Konsep kesepaduan juga bermaksud penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan bahasa serta penumpuan nilai-nilai murni dilakukan secara intergrasi dan menyeluruh.

## PENGERTIAN PENGAJARAN

Pengajaran adalah suatu sistem aktiviti-aktiviti dengan tujuan membawa perubahan dikalangan mereka. Guru perlu merancang suatu aktiviti pembelajaran dengan harapan ia akan membawa perubahan-perubahan yang diinginkan. Oleh itu, guru perlu menjelaskan apakah perubahan yang dikehendaki, jenis pengetahuan yang akan diterima serta jenis kemahiran yang harus dibentuk dan perubahan sikap yang hendak dicapainya. Kaedah pengajarannya perlulah selaras dengan aktiviti-aktivitinya supaya mencapai objektifnya. Untuk menyampaikan pelajaran, pengetahuan dan pengalaman kepada murid-murid, kaedah pengajarannya perlu melibatkan perancangan yang tertentu, alat-alat bantuan mengajar yang sesuai, bahan-bahan yang menarik serta berfaedah.

Zaman sentiasa berubah-ubah, kaedah pengajaran juga sering berubah-ubah mengikut edaran masa. Pada zaman dahulu, kaedah mengajar berpusat kepada guru dan murid-murid, ia biasanya pasif. Pelajar-pelajar hanya mendengar dan menerima fakta-fakta yang disampaikan oleh guru. Diantara lain ialah kaedah 'chalk and talk'. Alat mengajar tunggal yang biasa didapati ialah papan hitam. Kaedah pengajaran sekarang adalah berbeza dengan dahulu. Pengajaran sekarang adalah berpusat kepada murid-murid. Guru sentiasa melibatkan murid-murid dalam pengajaran seperti bertanya atau menjawab soalan, menggalakkan mereka mengemukakan pendapat-pendapatn serta aktif dalam perbincangan. Guru juga melibatkan pengetahuan murid-murid seperti lakonan, nyanyian dan sebagainya. Disamping itu juga alat-alat bantu mengajar seperti kad-kad imbasan, pita rakaman video, radio, televisyen, slaid,

transparensi, projektor dan lain-lain lagi.

Dengan itu, pengajaran merangkumi:

ISI?

GURU ----- KAEDAH? ----- MURID

ALAT?

## PENGERTIAN PEMBELAJARAN

### i. PENGERTIAN UMUM

Pengertian pembelajaran dalam penggunaan bahasa sehari-hari dengan bahasa psikologi adalah berbeza.

Pembelajaran terbit daripada perkataan belajar. Bila disebut belajar, maka terdapat gambaran sebuah bilik darjah yang diisi dengan segala kelengkapan bilik darjah dan guru yang menyampaikan pengetahuan kepada murid-murid. Misalnya, dalam kelas, guru mengesyorkan aktiviti berbentuk permainan. Apabila murid-murid pulang ke rumah dan memberitahu ibubapa mereka, ibubapa mungkin pergi ke sekolah dan membuat bantahan kepada guru besar bahawa anak-anak mereka pergi ke sekolah bukan belajar tetapi bermain.

Konsep pembelajaran sebagaimana yang dinyatakan terlalu berorientasikan pencapaian akademik. Konsep ini jelas wujud dikalangan ibubapa di Malaysia dewasa ini.

Perkataan belajar dan pembelajaran pada mereka lazimnya dihubungkan dengan aktiviti-aktiviti mental ataupun aktiviti-aktiviti yang berbentuk akademik. Apakah benar konsep ini?

### ii. PENGERTIAN PSIKOLOGI

Ahli psikologi pendidikan juga tidak mempunyai kata sepakat mengenai definisi pembelajaran. Untuk meneliti kesemua yang terdapat diantara definisi-definisi oleh beberapa orang psikologi pendidikan iaitu :

#### MORGAN AND KING

Dalam buku mereka, 'Introduction To Psychology'

"Pembelajaran diiktirafkan sebagai sebarang perubahan tingkahlaku yang agak kekal, akibat pengalaman yang diperolehi oleh seseorang atau akibat latihan yang dijalankan".

#### HENRY CLAY LINDGREN AND DONN BRYNE

Dalam buku mereka, 'Psychology: An Introduction To A Behavior Science'

Perkataan 'Pembelajaran' dicipta untuk melambangkan konsep atau idea bagi menerangkan perubahan tingkahlaku yang diperlihatkan oleh seseorang. Tidak seorang pun dapat memastikan bahawa pembelajaran sedang berlaku dengan melihat sesuatu tingkahlaku ini. Pencapaian tingkahlaku seseorang perlu dikaji dan dibandingkan dengan pencapaian asalnya sebelum sesuatu tafsiran dapat dibuat. Pencapaian boleh dipandang dari segi ketepatan ataupun kecepatan tingkahlaku. Misalnya, dua orang kanak-kanak yang dapat mengeja lebih banyak perkataan dengan

betul dikatakan belajar lebih sempurna daripada kanak-kanak yang lagi satu.

Oleh itu, dapatlah disampaikan bahawa walaupun huraian pengertian Pembelajaran itu berbeza antara satu sama lain, terdapat sedikit kesamaan diantara huraian ini. Kesemua definisi ini memberi penekanan kepada perubahan tingkahlaku seseorang sebagai ukuran berlakunya pembelajaran dan sebagai cara untuk menghuraikan pengertian pembelajaran. Diantara penekanan yang di berikan ialah :

1. Pembelajaran ialah satu proses yang membawa perubahan kepada tingkahlaku dan perubahan ini hendaklah kekal, ibarat tabiat seseorang.
2. Perubahan tingkahlaku ini merupakan perubahan yang bukan disebabkan oleh sifat semulajadi manusia.
3. Perubahan tingkahlaku hendaklah yang bukan sementara dan bukan disebabkan oleh pengaruh dadah atau penyakit.
4. Perubahan tingkahlaku iaitu perubahan yang memperlihatkan peningkatan dari satu tahap yang rendah ke tahap yang lebih tinggi.

#### CARA-CARA PERLAKSANAAN KONSEP KESEPADUAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Guru-guru KBSR dan KBSM masakini telah sedar tentang pentingnya kesepaduan dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kita tinjau bagaimanakah ini dapat dilakukan.

Dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ini dapat dilaksanakan dengan cara-cara berikut:

1. Kesepaduan dari segi bahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Kesepaduan yang berbentuk `intra', iaitu yang berlaku dalam satu matapelajaran. Contohnya, ilmu pengetahuan bercantum dengan kemahiran dalam satu matapelajaran untuk membenarkan perkembangan individu secara menyeluruh, iaitu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.
3. Kesepaduan yang berbentuk `inter', iaitu yang berlaku dengan menghubungkan pengetahuan dan kemahiran satu matapelajaran dengan satu atau beberapa matapelajaran yang lain.
4. Kesepaduan diantara aspek teori dan amali.
5. Kesepaduan diantara aktiviti kurikulum dengan aktiviti ko-kurikulum.
6. Kesepaduan diantara kegiatan didalam bilik darjah dengan yang berlaku diluar bilik darjah.
7. Kesepaduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran.

Kesepaduan hendaklah berjalan serentak dengan pengajaran walaupun semua



unsur pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai murni dan bahasa merentas kurikulum tidak boleh disepadukan dalam satu pengajaran. Ianya hendaklah diliputi dalam satu siri pengajaran dan dilakukan secara berterusan.

## PENGGABUNGJALINAN DAN PENYERAPAN

Penggabungjalinan merupakan satu proses penyampaian beberapa kemahiran didalam satu matapelajaran. Rasionalnya ialah murid-murid akan dapat kemahiran secara terpadu dan serentak. Contohnya, di dalam matapelajaran Kemahiran Hidup Pertanian, guru menerangkan satu-satu tajuk dan menyoal selepas penerangan. Beberapa kemahiran dapat diperolehi oleh murid-murid seperti mendengar, membaca, menerangkan semula (bertutur), menulis serta melakukan secara amali. Oleh itu, amatlah jelas, walaupun dalam satu matapelajaran, beberapa kemahiran telah disampaikan.

Penyerapan pula merupakan proses menyatukan isi atau kandungan daripada beberapa matapelajaran. Contohnya, matapelajaran Manipulatif Tambahan dimana murid diajar mengenai keselamatan di bengkel serta membersihkan bengkel setelah digunakan. Dalam situasi ini, penyerapan isi Pengurusan Diri telah diserapkan.

## CIRI-CIRI PENGGABUNGJALINAN DAN PENYERAPAN DALAM KBSR & KBSM

Dalam konsep penggabungjalinan dan penyerapan, terdapat beberapa ciri. Diantaranya ialah:

### CIRI-CIRI PENGGABUNGJALINAN

1. Ia merupakan gabungan beberapa kemahiran yang terdapat dalam satu matapelajaran.
2. Proses ini berlaku secara antara disiplin, iaitu kemahiran-kemahiran adalah bidang yang berlainan.
3. Proses ini berlaku secara intradisiplin. Contohnya, didalam matapelajaran Teras (Kemahiran Hidup), beberapa kemahiran juga dipelajari secara serentak. Murid bukan sahaja dapat mengetahui tetapi belajar menaakul serta menggunakan atau mengaplikasikan konsep-konsep yang dipelajari dalam keadaan yang sebenar.
4. Organisasi pembelajaran adalah fleksibel, iaitu tekanan terhadap kemahiran sampingan boleh berubah-ubah dan tidak mengikut satu urutan tertentu. Walau bagaimanapun, kemahiran utama tetap diberi tekanan yang lebih.
5. Oleh sebab itu, pelbagai kemahiran digabungjalinkan, interaksi antara guru dengan murid dan murid dengan murid adalah lebih mesra.

## CIRI-CIRI PENYERAPAN

1. Beberapa unsur ilmu pengetahuan dari bidang yang berlainan diserapkan dalam satu matapelajaran. Contohnya, geografi, sains, sejarah, sivik, kesihatan dan seni lukis diserapkan menjadi alam dan manusia.
2. Isi pengetahuan juga boleh diserapkan ke dalam kemahiran. Contohnya, seorang guru KBSR yang mengajar kemahiran mengira tentang operasi darab harus menyerapkan pengetahuan bagaimana sifir-sifir itu diperoleh dan bukan bergantung pada hafalan sahaja.

## CARA MENGGUNAKAN PENGGABUNGJALINAN DAN PENYERAPAN

### PENGGABUNGJALINAN

Penggabungjalinan dapat dilaksanakan dengan dua pendekatan.

1. Beberapa kemahiran seperti mendengar, bertutur, membaca, menulis dan praktikal boleh disampaikan dalam satu matapelajaran Kemahiran Hidup.
2. Kemahiran dalam satu mata pelajaran Kemahiran Hidup digabungjalinkan dengan kemahiran dari satu matapelajaran lain. Misalnya, mendedahkan pelajar kepada suatu bidang keusahawanan, maka ia boleh digabungjalinkan dalam Perdagangan dan Keusahawanan.

### LANGKAH-LANGKAH PENGGABUNGJALINAN

1. Pastikan terlebih dahulu jenis kemahiran yang hendak ditekankan.
2. Sediakan bahan-bahan yang diperlukan bagi kemahiran tersebut.
3. Dengan merujuk kepada bahan-bahan yang telah disediakan, cari apakah kemahiran sampingan lain yang berkaitan dengan kemahiran utama yang hendak ditekankan itu. Ketika memilih kemahiran sampingan untuk digabungjalinkan, guru hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara berikut:
  - a) Kemahiran sampingan yang dipilih itu telah ditanamkan pada murid-murid pada satu masa dahulu.
  - b) Kemahiran sampingan itu dipilih supaya dapat diperkukuhkan lagi.
  - c) Kemahiran sampingan yang dipilih itu tidak memerlukan bahan tambahan.
  - d) Ketika mengajar, kemahiran-kemahiran sampingan boleh digunakan diperingkat permulaan, perkembangan dan penutup.

### PENYERAPAN

Apabila ilmu pengetahuan daripada beberapa bidang diserapkan menjadi satu mata pelajaran, ia merupakan penyerapan. Rajah dibawah menunjukkan bagaimana penyerapan dilakukan.

## BAHASA MELAYU MERENTASI KURIKULUM

Bahasa Melayu merentasi kurikulum merupakan satu lagi penekanan dalam KBSR dan KBSM. Guru-guru yang mengajar matapelajaran lain mempunyai peranan yang sama penting dengan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu. Semua guru hendaklah berusaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa dan kemahiran berbahasa dengan menekankan aspek-aspek berikut:

1. Penguasaan bahasa melayu secara keseluruhannya.
2. Penggunaan bahasa baku dari segi tulisan, sebutan (intonasi), tatabahasa, perbendaharaan kata, peristilahan dan laras bahasa.
3. Penggunaan bahasa ilmiah
4. Penggunaan aras bahasa sama ada dibawah atau melebihi kemampuan pelajar.
5. Penguasaan kemahiran berbahasa yang meliputi kemahiran asas dan kemahiran khusus.
6. Bahasa sebagai alat ekspresi.

## NILAI-NILAI MURNI MERENTASI KURIKULUM

Sejajar dengan hasrat FPN, penerapan nilai-nilai murni merentasi kurikulum bertujuan mendidik individu secara menyeluruh dan harmoni dari segi kognitif, afektif dan psikomotor.

Penerapan nilai-nilai murni hendaklah dilakukan secara bersahaja dan tidak langsung. Perlu diingat bahawa tidak semua nilai murni boleh didapati dalam satu mata pelajaran. Walau bagaimanapun setiap mata pelajaran mesti mempunyai beberapa nilai murni dan usaha menerapkan nilai-nilai hendaklah merupakan satu proses yang berulang dan berterusan.

Usaha menerapkan nilai-nilai murni boleh dilakukan secara pertuturan/pengucapan, perlakuan, contoh teladan, isyarat, kefahaman, tafsiran dan penggunaan kandungan pelajaran (contextual). Prinsip penerapan nilai hendaklah menekankan pada penghayatan dan amalan.

## KESINAMBUNGAN ANTARA KBSR DAN KBSM

### KONSEP

Kesinambungan membawa makna 'lanjutan daripada'. Dengan itu, KBSM sebenarnya merupakan satu kurikulum lanjutan daripada KBSR. Asas-asa pembelajaran yang dibina diperingkat sekolah rendah dilanjutkan dan diperluaskan lagi diperingkat sekolah menengah. Ini bermakna dalam usaha menggubal KBSM, kesinambungan pembelajaran diambil kira untuk memastikan tumpuan, isi kandungan dan cara belajar adalah bertitik tolak daripada pendidikan peringkat sekolah rendah.

### CIRI-CIRI

Kesinambungan antara KBSR dan KBSM jelas dilihat daripada ciri-ciri berikut:

1. KBSM merupakan terjemahan kepada FPN yang mengutamakan perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu.
2. KBSM menekankan dengan lanjutnya kemahiran menulis, membaca dan mengira.
3. KBSM juga menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan aktiviti atau murid.
4. KBSM juga menekankan kepada penerapan nilai-nilai murni.
5. KBSR menekankan kepada penggabungjalinan dan penyerapan. KBSM menekankan kesepaduan unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani (IREJ). Dengan ini jelaslah KBSM merupakan kesinambungan daripada KBSR.
6. KBSR menekankan keupayaan berfikir secara analitis, ber-sistem, kritis dan rasional. Ini diperlanjutkan dalam KBSM.
7. KBSM menitikberatkan perkembangan daya imaginasi dan kreativiti. Ini diperluaskan lagi dalam KBSM.
8. KBSR bertujuan melengkapi murid-murid dengan kemahiran belajar. KBSM memperdalam lagi kemahiran tersebut dengan aktiviti seperti membuat perbandingan, menyatakan idea-idea utama, mengelas mengikut prinsip tertentu, merekacipta, bersumbangsaran membuat generalisasi dan sebagainya.
9. KBSR menekankan pendidikan umum, iaitu murid-murid tidak khusus kepada sesuatu mata pelajaran. KBSM juga menekankan pendidikan umum dan melewati pengkhususan ke peringkat pengajian yang lebih tinggi.

#### PERLAKSANAAN KONSSEP KESINAMBUNGAN

Setelah memahami konsep kesinambungan antara KBSR dan KBSM, tentunya kita ingin tahu bagaimana melaksanakannya dalam situasi bilik darjah. Seseorang guru boleh menjalankan langkah-langkah berikut untuk mencapai kesinambungan.

1. Meneruskan pelajaran yang boleh meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira.
2. Aktiviti-aktiviti seperti main peranan, inkuiri dan penemuan kaji individu, sumbangsaran, simulasi dan menyoal hendaklah dikendalikan untuk mengukuhkan lagi daya intelek murid.
3. Konsep kesepaduan hendaklah terus dijalankan. Guru hendaklah bantu murid melihat perkaitan antara disiplin ilmu, maklumat, kemahiran atau konsep diantara satu mata pelajaran dikaitkan dengan yang lain.
4. Nilai-nilai murni yang ditekankan dalam KBSR ters dititikberatkan. Guru harus menambahkan nilai-nilai lain seperti rasional, bekerjasama, kesyukuran, berdikari dan keberanian.
5. Guru menggunakan strategi pengajaran yang berdasarkan pembelajaran melalui pengalaman. Strategi ini memberikan peluang kepada murid supaya terlibat secara aktif pada mana-mana urutan pengajaran dan pembelajaran. Usaha ini menunjukkan usaha guru untuk melaksanakan kesinambungan KBSR menekankan peranan aktif yang harus dimainkan oleh murid.

#### KESIMPULAN

Konsep kesepaduan dalam pengajaran dan pembelajaran ini merupakan penjalin dan pengadun unsur-unsur ilmu pengetahuan, kemahiran, bahasa serta nilai-nilai dalam semua mata pelajaran. Dengan itu, sebagai guru kita haruslah menekankan kesepaduan apabila merancang strategi pengajaran dan pembelajaran supaya hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN), dapat kita sempurnakan. Lebih-lebih lagi kepada tanggungjawab generasi hari ini membentuk wawasan seterusnya menjadikan generasi hari esok lebih maju serta lebih bersedia mendokong hasrat negara menuju ke arah negara maju.

## MENANAM POKOK HIASAN DALAM RUMAH

### a) Pengenalan.

Pokok-pokok dalam rumah ditanam untuk menyerikan kawasan rumah. Kebanyakan pokok dalam rumah berkehendakkan keadaan yang teduh untuk membentuk pokok yang menarik. Contoh pokok-pokok dalam rumah yang biasa ialah :

1. Paku-pakis, iaitu pokok yang tidak berbunga atau ber biji. Ia membiak daripada spora.
2. Palma dalam pasu, iaitu pokok yang ditanam untuk daunnya.
3. Begonia (resam batu), iaitu sejenis pokok yang ditanam kerana kecantikan daunnya.
4. Aroid-Caladium, iaitu pokok yang ditanam kerana kecantikan daunnya juga.
5. Keluarga lada hitam (Peperomia).
6. Keluarga ubi (Calathea atau Maranta).
7. Ati-ati.
8. Keluarga puding (Colieum).
9. Dracaena.

### b) Pembiakan

Pokok-pokok dalam rumah biasanya boleh dibiakkan secara pembiakan tak mengawan, iaitu dengan menggunakan bahagian tumbuh-tumbuhan.

#### i. KERATAN KAYU PERANG (KERAS)

- Panjang keratan-keratan yang digunakan ialah antara 15-20cm dan ini didapati daripada dahan-dahan yang keras dan kedua-dua hujungnya harus dikerat dengan tepat. Celupkan pangkal keratan dalam hormon pengakar.
- Lebih kurang satu pertiga daripada keratan haruslah ditanam didalam pasir lembab sehingga akar-akar mulai tumbuh. Apabila ini berlaku, keratan ini boleh ditanam didalam bekas yang dikehendaki.
- Tanaman yang dibiakkan melalui cara ini ialah Ixora, bunga kertas dan bunga raya.
- Pokok-pokok seperti angsana dan dedap boleh dibiakkan dengan menggunakan keratan-keratan yang panjangnya antara 0.9-1.5m dan besarnya 5cm.

## ii. KERATAN KAYU HIJAU.

- Ia dipilih daripada pangkal hijau dahan-dahan muda dan bebas dari penyakit. dahan yang mempunyai banyak
- Keratan-keratan yang dipilih mestilah bercabang dan panjangnya diantara 8-10cm yang mempunyai dua atau tiga mata tunas.
- Keratan-keratan ini ditanam didalam kotak semaian atau pasu bunga yang mengandungi pasir sungaidan diletakkan ditempat yang teduh.
- Celupkan keratan kedalam serbuk hormon pengakar (mengandungi asid indolbutirik atau asid naftalenasetik).
- Keratan-keratan itu hendaklah disiram dengan air untuk memastikan tanah itu sentiasa lembab.
- Keratan-keratan itu biasanya mengeluarkan akar dalam masa dua minggu.
- Pokok-pokok seperti kekwa, dahlia, bunga tiga bulan dan ati-ati mudah membiak daripada keratan kayu hijau.

## iii. KERATAN KAYU HIJAU.

- Keratan-keratan yang panjangnya lebih kurang 7.5 cm didapati daripada akar-akar aktif yang tidak terlalu tua atau muda.
- Keratan-keratan ini diletakkan melintang di dalam pasir dan ditimbuskan sedikit.
- Apabila pucuk dan akar telah tumbuh, ia boleh diubahkan di tempat lain.

## iv. KERATAN DAUN.

- Lai daun dan gagang digunakan untuk memulakan pokok baru. Bahagikan lai daun kepada beberapa bahagian atau keratan (panjangnya 5- 7.5cm).
- Keratan daun biasanya dilakukan keatas pokok-pokok yang mempunyai daun lendir kerana banyak makanan tersimpan didalam daun itu.
- Pokok-pokok yang selalunya dibiakkan dengan kaedah ini ialah Sansevieria, Begonia dan Peperomia.

## v. PEMBIAKAN DENGAN CARA KERATAN DAUN-BEGONIA.

- Pilih daun yang sihat daripada pokok-pokok induk.
- Gunakan pisau yang tajam untuk membuat keratan terus melalui urat-urat utama permukaan bawah daun.
- Kemudian, tanamkan tangkai daun itu dalam pasir dengan permukaan sebelah atas daun itu terlentang.
- Tekankan daun itu diatas dengan batu-batu yang kecil.
- Siram sehingga pokok-pokok kecil muncul ditempat yang dipotong.

## vi. PEMBAHAGIAN RUMPUN.

- Ini merupakan satu proses dimana satu rumpun pokok itu dibahagikan kepada beberapa bahagian - biasanya dari ubi, akar dan batang bawah tanah. Contohnya pokok-pokok itu ialah Caladium, Gladiosa, African Daises, halia, buluh dan dahlia (ubi akar).
- Anak pokok yang berserabut dengan akar-akar itu dipisahkan lalu dipasukan untuk tumbuh menjadi pokok baru.

c) Penjagaan pokok dalam rumah.

i. Memasu semula pokok-pokok yang berakar.

- Jika pokok yang berpasu mengeluarkan terlalu banyak akar, pokok itu eloklah dipasukan semula. Begitu juga sekiranya pokok-pokok itu mengeluarkan akar dari lubang-lubang saliran pasu.

- Akar yang boleh dilihat dari permukaan tanah juga haruslah dipasukan semula. Sebelum memasu semula, gumpalan tanah pada akar mestilah dipangkas serta daun-daunnya mestilah dipangkas untuk membentuk semula pokok itu.

- Pasu yang digunakan untuk memasu semula haruslah mempunyai diameter 1-2.5 cm lebih besar daripada pasu yang lama.

ii. Menyiram.

- Menyiram harus dilakukan selalu untuk melembapkan tanah tetapi janganlah sampai air bertakung.

- Jumlah air yang disiram bergantung kepada saiz daun, bekas dan jenis tanah.

- Pokok dalam tanah berpasir hendaklah disiram lebih kerap berbanding dengan pokok yang ditanam dalam tanah peroi yang lebih berat.

- Pokok-pokok yang berdaun besar memerlukan lebih banyak air daripada pokok-pokok lendair seperti kektus.

iii. Merumput.

Merumput haruslah dikerjakan dengan tangan.

iv. Mengutil.

- Mengutil hujung pokok hendaklah dilakukan semasa tumbesaran. Ini untuk menggalakkan tumbuhan yang merimbun dan bercabang-cabang pada sisinya.

- Amalan ini boleh dilakukan dengan jari telunjuk dan ibu jari ataupun dengan sekateur.

v. Membaja.

- Membaja patut dilakukan dengan lebih kerap untuk pokok-pokok dalam rumah dan juga pokok-pokok diluar rumah.

- Baja yang biasa digunakan ialah baja kimia.

vi. Mengawal perosak dan penyakit.

- Tanda-tanda yang menunjukkan pokok diserang oleh haiwan perosak atau penyakit ialah:

a. Daun-daun menjadi kuning dan gugur ketanah.

b. Bahagian-bahagian daun dimakan atau dirosakkan oleh haiwan perosak.

c. Tumbesaran pokok terbantut atau luar biasa.

d. Pokok itu kelihatan layu.

- Haiwan-haiwan perosak yang lazimnya menyerang pokok-pokok dalam rumah ialah koya, kutu daun, teritip daun dan hamma. Perosak-perosak ini boleh dikawal secara terus, iaitu:

a. Membuang haiwan perosak itu dengan tangan.

b. Mencerahkan air ke atasnya.

c. Menggunakan racun haiwan.

- Pokok-pokok dalam rumah biasanya tidak diserang oleh penyakit.
- a. Reput akar atau busuk umbut berlaku apabila pokok itu terlampau banyak disiram dengan air. Ini boleh dikawal dengan menyiram sedikit sahaja air seperti yang diperlukan.
- b. Kulat kulapuk mungkin menyerang daun, batang atau kudup bunga. Ini mungkin berlaku disebabkan oleh siraman yang berlebihan dan edaran udara yang baik. Penyakit ini boleh dikawal dengan menyiram air yang sekata dan dengan menyembur serbuk sulfan.

<http://tatabahasabm.tripod.com>